

**JABATAN DAERAH TEMBURONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**SYARAT-SYARAT PENYEWAAN DAN PENGUNAAN DEWAN  
KEMASYARAKATAN MUKIM BANGAR, DEWAN BELALONG DAN  
DEWAN KEMASYARAKATAN MUKIM BOKOK**

1. Dikenakan bayaran sebanyak \$250.00 bagi sekali penggunaan
2. Pembayaran sewa hendaklah dibuat sekurang-kurangnya seminggu sebelum penggunaan dewan ke Bahagian Kewangan tingkat 1 Jabatan Daerah Temburong.
3. Pemohon hendaklah memohon dalam tempoh tidak kurang satu bulan sebelum tarikh yang dipohonkan
4. Jabatan Daerah Temburong tidak menyediakan tenaga buruh jabatan dan tidak membekalkan kelengkapan bagi pemohon
5. Tidak dibenarkan menyambung sebarang pendawaian elektrik tanpa kebenaran
6. Jabatan Daerah Temburong tidak akan menyediakan kemudahan Dewan yang lain kecuali yang disewakan sahaja. Penyewaan adalah bagi ruang Dewan sahaja tidak termasuk bilik-bilik kecil yang sedia ada
7. Pemohon hendaklah menunjukkan resit bayaran sebelum menggunakan Dewan
8. Pemohon hendaklah memastikan keadaan di dalam dan di luar Dewan sentiasa berkeadaan baik, bersih dan selamat
9. Pemohon dikehendaki sentiasa menjaga kebersihan kawasan serta keselamatan peralatan yang digunakan. Sebarang kerosakan atau kehilangan sepanjang tempoh penyewaan adalah tanggungjawab pemohon sendiri
10. Dilarang merokok di kawasan dalam dan luar Dewan
11. Tidak dibenarkan mengadakan aktiviti memasak di mana-mana juga bahagian di kawasan dalam dan luar Dewan
12. Penyewaan Dewan tidak akan dibenarkan bagi tujuan sebarang perhimpunan yang berbentuk politik, perjudian dan mana-mana aktiviti yang ditegah oleh Kerajaan

13. Jabatan Daerah Temburong tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kemalangan/kecederaan/kehilangan/kerosakan yang berlaku ke atas mana-mana individu atau harta benda (termasuk kenderaan) sepanjang tempoh penggunaan atau disekitar kawasan luar Dewan
14. Pemohon hendaklah mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan dan syarat-syarat yang akan dikenakan dari masa ke semasa oleh pegawai yang bertugas
15. Dewan ini hanya boleh menampung '*occupancy load*' yang diluluskan iaitu seperti berikut:

Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar, Dewan Belalong,

Kerusi dan meja = 540 orang  
Berdiri = 1150 orang  
Kerusi sahaja = 1150 orang

Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok,

Kerusi dan meja = 371 orang  
Berdiri = 770 orang  
Kerusi sahaja = 770 orang

16. Jabatan Daerah Temburong berhak untuk menarik balik atau menolak sebarang permohonan dengan serta merta jika Dewan digunakan atas sebab-sebab keperluan Jabatan tanpa memperuntukan Dewan lain sebagai ganti
17. Jabatan Daerah Temburong berhak mengenakan sebarang peraturan-peraturan tambahan pada bila-bila masa tanpa memaklumkan kepada pemohon